

32 tahun jalan tidak diturap

Penduduk Taman Bukit Kuchai kecewa laluan di Jalan 23, Jalan 24 dianaktirikan

PUCHONG - Penduduk Taman Bukit Kuchai, mendakwa kecewa apabila laluan lorong sepanjang 500 meter antara perumahan dan kawasan komersil di Jalan 23 dan Jalan 24 di sini tidak pernah diturap sejak 32 tahun lalu.

Penduduk, Leow Fah, 63, berkata, lebih mengecewakan, pihak berkenaan tidak melakukan kerja-kerja pembersihan di lorong belakang kediaman menyebabkan pembiakan haiwan pembawa penyakit.

Dia yang berpindah ke perumahan itu pada tahun 1986 berkata, tidak pasti mengapa pihak berkenaan menganaktirikan lorong tersebut sedangkan laluan utama berhampiran sudah beberapa kali diturap.

"Bagi isu kebersihan pula, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, saya tak nampak pekerja datang bersih longkang. Dulu pada tahun 1990-an, saya lihat pekerja selalu datang bersih longkang dalam tempoh dua minggu sekali.

"Tengok keadaan longkang di sini, banyak haiwan pembawa penyakit boleh dilihat dan saya sendiri sering terserempak tikus sebesar anak kucing yang menggelikan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi



Keadaan longkang yang didakwa tidak dibersihkan pihak berkenaan sejak beberapa tahun lalu.



Lawrence (kiri) dan Leow Fah (dua, kiri) menunjukkan lubang di laluan lorong yang didakwa tidak diturap sejak 32 tahun lalu.

Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 14, Lawrence Chiew, berkata, penduduk serta peniaga di kawasan komersil berdekatan mengadu kepadanya sudah penat terpaksa menutup sendiri lubang di permukaan lorong itu.

Dia yang meninjau keadaan laluan tersebut berkata, ahli majlis dan pihak

berkuasa tempatan (PBT) perlu prihatin terhadap masalah diadu.

"Saya nampak banyak lubang dengan keadaan di bawahnya sudah rompong dikorek tikus.

"Saya diberitahu peniaga dan penduduk di sini dah beberapa kali tutup lubang berkenaan dengan simen dan batu-bata namun ia tak ber-

INFO Penduduk dakwa pernah terserempak tikus sebesar kucing di kawasan longkang yang dibiarkan

tahan lama selain ditumbuhi rumput," katanya.

Dia berharap pihak berkenaan dapat membaik pu-

lih lorong tersebut secepat mungkin.

Lawrence yang juga Ketua Pusat Khidmat MCA Dun Kinrara turut berharap permintaan penduduk supaya pihak berkenaan menurap laluan tersebut dapat dipenuhi.

"Penduduk beritahu jalan utama di kawasan perumahan dan beberapa laluan

diturap malah ada laluan jalan yang masih elok pun diturap berulang kali dalam jangka masa pendek, jadi apa salahnya turap lorong ini sekali.

"Kerajaan negeri dapat peruntukan program Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris) jadi gunakanlah untuk turap jalan di situ," katanya.